

# 'Ini habuan buat penjawat awam'

26. Peruntukan sebanyak **RM47 juta** bagi persediaan ATM menghadapi sebarang bencana.

27. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2023 dinaikkan kepada **RM600** dan dibayar pada Mac 2023 bersama dengan kenaikan Gaji Tambahan Khas 2023 sebanyak **RM100** dan Bantuan Khas Kewangan **RM700**.



28. **RM2.6 bilion** diperuntukkan melalui agensi utama yang mengawal selia aktiviti komoditi iaitu Felda, Felcra dan Risda.

29. Peruntukan **RM150 juta** bagi menyelenggara fasiliti pendidikan di bawah seliaan Jakim.



30. Bayaran khas *one-off* **RM500** kepada guru Kafa, guru takmir, imam, bilal, siak, noja dan marbut.



31. Projek MRT3 dengan jajaran sepanjang 50.8 kilometer dan Fasa 1 dijangka siap pada tahun 2028 serta Fasa 2 pada 2030 melibatkan kos **RM50.2 bilion**.

32. **RM1.5 bilion** bagi melaksanakan projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa sepanjang hampir 500 kilometer.

33. **RM6.3 bilion** perbelanjaan pembangunan Sabah dan **RM5.4 bilion** untuk perbelanjaan pembangunan Sarawak.



34. **RM700 juta** peruntukan Projek Jalinan Digital Negara (Jendela) pada tahun 2023.

35. **RM1.3 bilion** perbelanjaan infrastruktur Digital Nasional Berhad akan memperluas rangkaian 5G di seluruh negara.



36. **RM36 juta** bagi program perlindungan harimau, gajah dan spesies liar lain.

37. **RM5 juta** Program Diplomas Bahasa dan Budaya ke arah pengantarabangsa dan memperkasa Bahasa Melayu di persada dunia.

## Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM600 antara insentif dalam Bajet 2023

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM**  
**KUALA LUMPUR**

**B**antuan Khas Kewangan Aidilfitri 2023 bagi penjawat awam dinaikkan kepada RM600 dan dibayar pada Mac 2023.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, ketetapan itu sekali gus menjadikan penjawat awam yang layak, menerima sehingga RM2,500 termasuk Bantuan Khas Kewangan RM700.

"Bagi tahun hadapan, kerajaan bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan kepada 1.3 juta penjawat awam Gred 56 ke bawah sebanyak RM700 dan sejuta pesara kerajaan sebanyak RM350 dengan implikasi kewangan berjumlah RM1.3 bilion.

"Suka-cita juga diumumkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memutuskan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2023 dinaikkan kepada RM600 dan dibayar pada bulan Mac 2023.

"Bersama dengan Kenaikan Gaji berkuat kuasa Januari 2023 dan Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM700 menjadikan jumlah tambahan keseluruhan untuk penjawat awam yang layak pada



Bajet 2023 dengan peruntukan keseluruhan RM372.3 bilion merangkumi kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan, kemakmuran ekonomi dan kecekapan perkhidmatan kerajaan.

tahun 2023 adalah sebanyak RM2,500," katanya dalam pembentangan Bajet 2023 di Parlimen pada Jumaat.

Belanjawan bertemakan Keluarga Malaysia, Makmur Bersama dengan peruntukkan keseluruhan berjumlah RM372.3 bilion itu merangkumi empat teras fokus iaitu kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan, kemakmuran ekonomi dan kecekapan perkhidmatan kerajaan.

Beliau mengumumkan kebenaran penubuhan awal gantian cuti rehat (GCR) sehingga 50 peratus dinaikkan sehingga maksimum 90 hari bagi membantu penjawat awam yang memerlukan.

Katanya, ia selaras pengumuman perdana menteri mengenai kadar maksimum GCR yang boleh dikumpulkan bagi tujuan

award wang tunai dari 160 kepada 180 hari.

Bagi memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan penjawat awam, Tengku Zafrul berkata, kerajaan akan memperluas tafsiran peranti digital di bawah Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar untuk turut merangkumi jam tangan pintar.

Sementara itu, pada tahun hadapan kerajaan bersetuju memberikan subsidi sebanyak RM100 bagi perlindungan insurans atau takaful isi rumah bernilai RM20,000 sebagai usaha meringankan beban peminjam yang terkesan dengan bencana.

Selain itu, bagi membantu golongan penganggur menerusi padanan pekerjaan, kerajaan akan membangunkan 13 Pusat Satelit MYFutureJobs di UTC seluruh negara dengan peruntukan RM8 juta ringgit.

## Diskaun bayar balik PTPTN mulai November ini

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan memberi diskaun pembayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bermula 1 November tahun ini hingga 30 April 2023.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, inisiatif tersebut bertujuan bagi memudahkan pembayaran semula serta memupuk tanggungjawab dalam kalangan peminjam PTPTN.

Ujar beliau, diskaun tersebut ditentu-

kan berdasarkan tiga kategori kadar penyelesaian pembayaran.

"Pertama, diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman.

"Kedua, diskaun 15 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran.

"Ketiga, diskaun 15 peratus untuk secara potongan gaji atau debit terus berjadual," katanya.

## RM1.8 bilion kepada pesawah, nelayan dan pekebun

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan memastikan kebajikan dan sokongan kepada pesawah, nelayan dan pekebun kecil.

Bermula tahun 2023, kerajaan memperuntukkan RM1.8 bilion bagi menyediakan pelbagai subsidi dan insentif merangkumi subsidi harga padi, baja padi, benih padi sah, baja padi, huma dan insentif pengeluaran padi serta insentif tangkapan hasil nelayan berbanding tahun ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Ujarnya, bantuan kepada pesawah padi diberikan semula dengan jumlah RM200 sebulan untuk tempoh tempoh tiga bulan atau semusim kepada 240,000 pesawah dengan peruntukan RM228 juta.

Bagi pekebun kecil getah, Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh empat bulan dengan peruntukan RM256 juta diberikan.

"Ini bermakna pekebun kecil akan mendapat BMT sebanyak RM800 berbanding RM600 sebelum ini," kata Tengku Zafrul lagi.

## Elaun pelajar, pegawai tajaan JPA naik RM100

**KUALA LUMPUR** - Kadar elaun sara hidup bagi pelajar dan pegawai dalam negara tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diseragamkan dan dinaikkan RM100 sebulan, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurutnya, penyeragaman dan kenaikan di semua peringkat pengajian itu akan menjadikan elaun sara hidup tajaan JPA antara RM730 sehingga RM980 sebulan.

Beliau berkata, kemudahan pendidikan buat anak bumiputera khususnya dari keluarga susah juga terus diberi perhatian.

"Tahun hadapan, sebahagian besar daripada peruntukan RM6.6 bilion kepada Majlis Amanah Rakyat (Mara), Yayasan Peneraju dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) adalah untuk menyediakan bumiputera dengan akses pinjaman pendidikan serta peluang mengikuti bidang profesional seperti kejuruteraan," katanya dalam pembentangan Bajet 2023 di Parlimen pada Jumaat.